

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

# 30 NOV TUKAR KEFAHAMAN DAN UBAH PARADIGMA PEMIKIRAN



PULAU PINANG, 30 November 2016 – “Kita perlu mengubah cara dan paradigma pemikiran serta kefahaman hari ini untuk menentukan apa yang akan berlaku pada masa hadapan,” demikian kata Timbalan Naib Canselor INTI International University Profesor Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid ketika menyampaikan ucaptama di Persidangan Kebangsaan Ketiga Pemindahan Ilmu atau 3rd National Conference on Knowledge Transfer (NCKT) di sini hari ini.

“Ahli akademik perlu untuk mengaitkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang dan disiplin serta tidak lagi boleh untuk bekerja secara silo.

# **Millions in Formal and Informal Home Learning**

## **Millions Influenced by Mass Media (Print, Visual)**

**Ibrahim Ahmad Bajuni  
NCKT 30 November 2011**



"Penyelidikan yang dijalankan perlu mempunyai metaanalisis bagi mengoptimumkan hasil kajian dan tidak lagi untuk menjadikan penyelidikan yang highly-cited sahaja," tambah Ibrahim yang menyampaikan ucaptama bertajuk "Knowledge Transfer for National Capacity Building".

Ibrahim yang juga Presiden National Institute of Educational Management and Leadership (IAB) berkata selain program-program pemindahan ilmu, turut perlu diberi perhatian adalah knowledge creation yang bermaksud mewujudkan ilmu-ilmu baharu.

"Institusi pengajian tinggi bukan sahaja pengguna ilmu tetapi penggubal atau creator of the knowledge, oleh itu bekerjasamalah dengan pihak yang mempunyai ilmu dan kepakaran tersendiri," tambah Ibrahim.



Turut hadir adalah Pengurus Program Pemindahan Ilmu Profesor Dato' Dr. Omar Osman; Pengarah Pusat Pemindahan Ilmu USM Profesor Dr. Haslan Abu Hassan dan dua orang lagi pengucaptama iaitu Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan), Unit Perancang Ekonomi Johan Mahmood Merican dan Presiden, Malaysia College of Veterinary Specialists (MCVS) Profesor Emeritus Dato' Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman.

Seramai lebih 150 orang peserta menyertai persidangan dua hari ini dan turut diadakan pameran produk-produk hasil daripada KTP yang telah dijalankan.

Teks: Nor Rafizah Md Zain



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>). | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015